

FIKSYEN (BAHASA MELAYU)
PENYATA PANEL HAKIM
YAYASAN MAYBANK - YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA
PERADUAN MENULIS & FOTOGRAFI 2020

1. Yang berikut ialah kenyataan panel hakim bagi kategori Fiksyen (Bahasa Melayu) bagi Peraduan Menulis dan Fotografi anjuran Yayasan Maybank - Yayasan Kepimpinan Perdana 2020
2. Yayasan Maybank dan Yayasan Kepimpinan Perdana bekerjasama untuk kali ketiga untuk menganjurkan peraduan menulis dan fotografi yang disasarkan pada golongan belia di Malaysia. Peraduan ini berlangsung dari April hingga November 2020.
3. Peraduan ini terbuka untuk dua kumpulan kategori umur iaitu: 13-17 tahun, dan 18-23 tahun.
4. Peserta boleh memilih untuk menghantarkan penyertaan mereka dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris. Pada tahun ini, buat kali pertamanya setiap bahasa dinilai dan diberikan set hadiah tersendiri.
5. Peraduan ini telah menarik **8,062 penyertaan** untuk semua kategori. Kategori Fiksyen (BM) telah menerima **432** penyertaan.
6. Setiap penyertaan melalui tiga pusingan pengadilan: Pada pusingan pertama setiap penyertaan dinilai dari segi kelayakan berdasarkan tajuk dan kategori, had umur, jumlah perkataan, dan kemungkinan wujud unsur plagiat. Selepas pusingan kelayakan, penyertaan yang layak diserahkan ke pusingan senarai pendek. Dalam pusingan ini, 100 penyertaan terbaik dipilih untuk pusingan akhir, di mana setiap penyertaan dinilai oleh ketiga-tiga para hakim peringkat akhir.
7. Setiap penyertaan hanya diberikan nombor siri dan dinilai oleh para hakim secara berasingan. Markah akhir diperolehi daripada setiap ahli panel hakim.
8. Setiap penyertaan dinilai berdasarkan beberapa kriteria yang telah ditetapkan dan dipaparkan di laman sesawang pertandingan sepanjang tempoh peraduan. Setiap esei dinilai berdasarkan isi, bentuk, gaya, dan kesan keseluruhan.


9. Para hakim ingin memberi penekanan kepada beberapa perkara berikut:

- Para hakim memuji semangat yang ditunjukkan oleh setiap peserta bagi kategori fiksiyen, dan mengagumi bakat anak muda Malaysia dalam penulisan fiksiyen.
- Para hakim berpendapat bahawa peserta mempunyai daya kreativiti yang tinggi, dengan pemilihan perspektif, watak, dan tetapan (“setting”) berlainan bagi penyampaian cerita mereka.
- Para peserta boleh meningkatkan gaya penceritaan dalam penulisan dengan menimba ilmu tentang teknik dan mekanik penceritaan, terutamanya dari segi struktur fiksiyen yang terdiri daripada babak pembukaan, plot, dan kesudahan.
- Para hakim juga berpendapat bahawa penguasaan bahasa boleh diperbaiki bagi meningkatkan mutu penulisan. Peserta perlu memberikan perhatian terhadap tatabahasa, ejaan, dan tanda baca untuk menghasilkan penceritaan yang lebih berkesan. Walau bagaimanapun, para hakim memuji kreativiti yang disampaikan melalui jalan cerita yang pelbagai.
- Sebagai panduan kepada penulis-penulis muda, fiksiyen yang berkesan akan merangsangkan intelek dan menyentuh hati pembaca. Untuk mencapai tahap ini, seseorang penulis perlu memberikan perhatian secara holistik terhadap watak, jalan cerita, tatabahasa dan ejaan.
- Kesimpulannya, kuantiti dan kualiti penyertaan untuk kategori peraduan ini adalah menggalakkan. Kami berharap peraduan ini dapat meningkatkan minat golongan belia terhadap penulisan fiksiyen dan mengukuhkan penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan belia di Malaysia.

10. Para hakim menghargai usaha semua peserta atas dan berharap pertandingan ini akan menggalakkan golongan remaja untuk menggunakan karya kreatif untuk meningkatkan kesedaran tentang isu semasa. Para hakim mengucapkan tahniah kepada semua pemenang dan akan terus menyokong sebarang usaha untuk mendorong dan membimbing penulis-penulis berbakat di Malaysia. Kami mengalu-alukan pusingan peraduan seterusnya.

Sekian, Terima Kasih.

Disahkan oleh,



Dr Hasmidar Bt Hassan

23 April 2021

Disahkan oleh,



Arman Jazee

26 April 2021

Disahkan oleh,



Norhailmi bin Abdul Mutalib

26 April 2021